

02 NOV 2003

AKHBAR INDIA TERUS PUJI DR MAHATHIR

NEW DELHI, 2 Nov (Bernama) -- Beberapa hari selepas persaraannya, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad terus mendapat pujian media India kerana jasanya membangunkan Malaysia.

Akhbar Indian Express hari ini dalam laporan mengenai pertukaran pucuk pimpinan di Malaysia, menyiarkan gambar Dr Mahathir dan menyifatkan persaraannya sebagai berakhir satu era di Malaysia.

Menurut akhbar itu, Dr Mahathir telah menerajui perubahan Malaysia daripada sebuah negara pengeluar bijih timah dan getah kepada sebuah negara moden yang makmur di Asia Tenggara.

Selama tiga hari berturut-turut, media India telah menyiarkan pelbagai berita, rencana dan analisis yang memuji kepimpinan selama 22 tahun Dr Mahathir.

Liputan meluas mula diberikan pada hari Jumaat lepas iaitu hari terakhir Dr Mahathir menyandang jawatan, dengan laporan-laporan memuji beliau sebagai pemimpin yang menyatupadukan rakyat berbilang kaum, memakmurkan Malaysia dan memodenkan ekonominya menuju tahap negara maju.

Sebuah akhbar, the Hindu turut menganggap Dr Mahathir sebagai pemimpin Asia yang paling berani berhadapan dengan pemimpin-pemimpin kuasa besar.

-- BERNAMA

MP MUN MOZ